



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 MEI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Bekalan bahan api di Pulau Redang kembali pulih

KUALA TERENGGANU: Masalah bekalan minyak petrol dan diesel yang terputus di Pulau Redang sejak dua minggu lalu, pulih apabila bekalan bahan api itu mula dihantar semalam.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Terengganu, Mohd. Mufsi Lat berkata, penghantaran petrol dan diesel di pulau itu dilakukan secara berperingkat dan dikawal selia bagi memastikan keperluan utama penduduk dipenuhi segera.

Katanya, syarikat penghantaran baharu yang dilantik mula menghantar bekalan bahan api untuk memenuhi permintaan penduduk.

“Gangguan bekalan bahan bakar di pulau itu berpunca daripada proses peralihan syarikat penghantaran barang keperluan dan barang kawalan yang baharu di pulau tersebut,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Kata beliau, pihaknya telah mengadakan pertemuan bersama wakil penduduk pulau

“
Gangguan bekalan bahan bakar di pulau itu berpunca daripada proses peralihan syarikat penghantaran.”

itu bagi menjelaskan situasi serta mendapatkan maklum balas secara langsung pada 13 Mei lalu.

“Pihak kementerian memandang serius dan terus memantau perkembangan serta memastikan tiada gangguan jangka panjang terhadap keperluan bahan api di pulau berkenaan,” ujarnya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, penduduk di Pulau Redang menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan bahan api yang berlaku sejak dua minggu lalu.

'Bos' restoran sorok minyak masak

- **Warga Bangladesh mengaku salah, didenda RM100,000**
- **Simpan dalam tong 'jerry' hostel pekerja**

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

SEREMBAN — Pengurus restoran didenda RM100,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menyimpan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 1,241 kg di dalam tong 'jerry' di premis yang tidak dilesenkan oleh pegawai bekalan untuk penyimpanan tersebut.

Hakim Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap Orang Kena Saman (OKS), Das Jhonny Chandra, 38, selepas membuat pengakuan bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara enam bulan sekiranya OKS gagal membayar denda dan ekshibit dilucut hak kepada pihak pendakwaan serta passport dikembalikan.

Mengikut pertuduhan, OKS yang merupakan warga Bangladesh telah didapati menyimpan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 1,241 kg di dalam tong 'jerry' di premis yang tidak dilesenkan oleh pegawai bekalan untuk penyimpanan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah hostel pekerja restoran di Dataran Sentral Seremban lebih kurang pukul 3.15 petang pada 26 April 2024.

Sehubungan itu, OKS telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1)

akta sama.

Terdahulu, peguam, Ashok Atimulan dalam rayaannya memberitahu, anak guamnya sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak selain perlu menganggung ibu bapa yang sudah tua di Bangladesh.

Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Nor Alimah Mohd. Samsuri dalam pada itu berkata, pindaan kadar denda daripada RM100,000 kepada RM1 juta yang diputuskan parlimen menunjukkan bahawa ini adalah satu kesalahan serius.

Beliau turut memohon mahkamah melihat faktor kepentingan awam kerana dalam kes berkenaan barang terlibat adalah barang kawalan minyak masak.



DAS JHONNY CHANDRA didenda RM100,000 selepas mengaku salah menyimpan minyak masak di Mahkamah Sesyen Seremban semalam.



SEBAHAGIAN daripada 103 unit tong gas LPG yang dirampas dari lima lelaki termasuk empat warga asing di Kuala Langat.

Sita LPG RM100,000

Putrajaya: Seorang lelaki bersama empat warga asing ditahan dalam serbuan selepas disyaki terabit dalam aktiviti penyelewengan cecair gas petroleum (LPG) dengan rampasan berjumlah kira-kira RM100,000, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, Mohd Hanizam Kecheck berkata, pihaknya menerima serahan satu kes daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat.

Katanya, ia membabitkan rampasan sebuah lori kapasiti satu tan dan sebuah lori bonded kapasiti tiga tan yang ditahan.

Katanya, kesemua kendaraan itu dibuat sitaan semula oleh KPDN Sepang membabitkan LPG dengan nilai berat tidak melebihi 1,300 kilogram (kg) dengan anggaran nilai rampasan RM100,000.

“Jumlah tong LPG yang disita membabitkan 103 unit terdiri daripada jenis 14kg dan 50kg termasuk tong kosong,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Nafi pindah minyak masak lebih had

Seremban: Seorang ahli perniagaan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas lima pertuduhan iaitu memiliki dan memindahkan barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan serta tidak menyelenggara buku stok, tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Nizamuddin Setapa, 28, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Mohamad Kamil Nizam.

Mengikut tiga pertuduhan, tertuduh sebagai pemilik syarikat memegang lesen borong barang berjadual minyak masak di dapati memiliki barang kawalan berjadual berupa 177,530 kilogram (kg) minyak masak melebihi had 10 tan metrik.

Ahmad Nizamuddin turut berdepan dua pertuduhan memindahkan minyak masak berjumlah 3,400kg dalam muatan lori selain daripada alamat

yang dinyatakan dalam lesen borong dan tidak menyelenggara buku stok.

Semua lima pertuduhan dilakukan di premis tanpa nama di Kawasan Perindustrian Nilai 7 di Nilai pada 24 Ogos dan 23 Oktober tahun lalu.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Seksyen 22 (4) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM35,000 bagi lima pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melapor diri di KPDN Putrajaya setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak menganggu saksi.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula 19 Jun depan.



AHMAD Nizamuddin (kiri) mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan.

Pengurus restoran simpan barang kawalan kena denda RM100k

Seremban: Pengurus sebuah restoran nasi kandar, di sini, didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan menyimpan barang kawalan berupa 1,241 kilogram (kg) minyak masak di premis tidak dilesenkan.

Hakim Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap Das Jhonny Chandra, 38, selepas warga Bangladesh terbabit mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati

menyimpan barang kawalan iaitu 1,241kg minyak masak di dalam tong jerry di premis yang tidak dilesenkan pegawai bekalan untuk penyimpanan itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan kira-kira jam 3.15 petang di asrama pekerja restoran berkenaan di Dataran Sentral Seremban, di sini, pada 26 April 2024.

Berikutan itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 yang boleh dihukum menurut Seksyen 22(1) akta sama.

Tertuduh didapati menyimpan barang kawalan iaitu 1,241kg minyak masak

Ops Gasak gempur penyelewengan, bukan tarik subsidi LPG

CYBERJAYA - Pelaksanaan operasi bagi menggempur penyelewengan dan ketirisan gas memasak bersubsidi (Ops Gasak) bukan untuk menarik subsidi ke atas gas petroleum cecair (LPG).

Sebaliknya tegas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, tindakan yang diambil oleh pihak penguat kuasa kerajaan itu sebagai memperkasakan peruntukan sedia ada.

"Ops Gasak bukan untuk menarik subsidi. Tidak, subsidi dikekalkan namun apa yang kita buat melalui Ops Gasak ini adalah bagi memastikan ketirisan subsidi dapat dikekang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Akses Pasaran Runcit di sini pada Khamis.

Beliau turut mempersoalkan permintaan pihak tertentu yang mahu moratorium dilaksanakan sebelum operasi itu dijalankan.

"Saya fikir rata-rata antara kita pemilik bayar cukai, adakah anda mahu cukai hasil kudrat kita kerja siang malam diselweng untuk perniagaan orang lain yang



Armizan (tengah) melakukan gimik perasmian Seminar Akses Pasaran Runcit pada Khamis.

semata-mata kaut untung?" soal Armizan.

Minggu lalu, pengusaha dobi mencadangkan kerajaan supaya menangguhkan tindakan penguatkuasaan Ops Gasak terhadap mereka sehingga sesi libat urus bersama pemain industri, khususnya persatuan dobi diadakan dan persetujuan dicapai.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Dobi Melayu (Mula), Zarina Ismail memberi alasan peralihan penggunaan LPG komersial yang berharga sekitar RM65 hingga RM70 bagi silinder seberat 14 kilogram adalah peningkatan lebih daripada dua setengah kali ganda berbanding kadar bersubsidi sebelum ini iaitu RM27 hingga RM30.

Dalam pada itu, Armizan meminta pengusaha dobi melihat kembali model perniagaan mereka dan segera membuat peralihan.

Menurutnya, terdapat sektor perniagaan tertentu telah pun memastikan peraturan dipatuhi.


"Jadi adakah perlu 'double standard'? Atau adakah kita mahu mereka yang guna LPG industri merubah pendekatan berebut dengan pengguna domestik membeli LPG subsidi?" soalnya lagi.

KPDN melancarkan Ops Gasak bermula 1 Mei lalu selepas pihaknya menerima banyak aduan berhubung penyelewengan dan ketirisan gas memasak bersubsidi.

Operasi digerakkan seluruh negara itu dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tambah Armizan, Ops Gasak menggunakan pendekatan secara berhemah bagi memastikan pihak industri mematuhi peraturan.

KPDN Perak serbu kapal, rampas lebih 50,000 liter diesel subsidi



Penguat kuasa KPDN Perak memeriksa bot nelayan dalam serbuan Ops Tiris 3.0 di sebuah premis di Pantai Remis pada Rabu.

MANJUNG — Kegiatan licik sindiket menyeleweng diesel bersubsidi nelayan untuk dijual kepada pihak industri akhirnya terbongkar apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Perak berjaya menyerbu sebuah premis dalam satu operasi di Pantai Remis pada Rabu.

Operasi hasil risikan sebulan menerusi Ops Tiris 3.0 itu membawa kepada penemuan kira-kira 50,900 liter disyaki diesel bersubsidi yang disimpan di dalam sebuah kapal dan tangki simpanan khas.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan kira-kira jam 10.30

pagi oleh sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN Cawangan Manjung di sebuah premis di kawasan Pantai Remis.

"Hasil pemeriksaan mendapati sindiket terbabit dipercayai membeli minyak diesel menggunakan kuota subsidi milik bot lain, kemudian menjualnya semula kepada pihak industri pada harga tidak bersubsidi. "

"Siasatan turut mendedahkan sindiket ini telah mengubah suai tangki asal bot dari kapasiti 3,000 liter kepada tangki tambahan berkapasiti 7,000 liter bagi menyimpan diesel subsidi dalam jumlah lebih besar," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, ketika serbuan

dilakukan, sebuah bot didapati sedang menjalankan aktiviti pemindahan diesel dari tangki kapal ke tangki simpanan khas menggunakan hos dan pam penyedut.

"Pihak KPDN turut menemui beberapa dokumen pembelian dan penjualan serta kad kuota bot lain yang dipercayai digunakan dalam kegiatan penyelewengan ini.

"Seorang lelaki tempatan berusia 32 tahun yang mengaku pemilik premis turut dithakan bagi membantu siasatan," katanya.

Kamalludin berkata, keseluruhan barang termasuk bot pukat hanyut, peralatan menyedut minyak dan diesel yang disita dianggarkan bernilai RM355,040.

Pengurus restoran didenda RM100,000



Das Jhonny (kanan) ketika dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Simpan 1,241kg minyak masak di premis tidak dilesenken

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Pada menyimpan barang kawalan, 1,241 kilogram (kg) minyak masak di premis yang tidak dilesenken, seorang pengurus syarikat sebuah restoran nasi kandar di daerah ini didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis.

Hakim, Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap Das Jhonny Chandra, 38, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan.

Beliau turut memerintahkan hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda dan ekshibit dilucut hak kepada pihak pendakwaan serta pasport di-

kembalikan.

Mengikut pertuduhan, orang kena saman (OKS) yang merupakan warga Bangladesh telah didapati menyimpan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 1,241 kg di dalam tong *jerry* di premis yang tidak dilesenken oleh pegawai bekalan untuk penyimpanan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah asrama pekerja restoran di Dataran Sentral Seremban lebih kurang jam 3.15 petang, 26 April 2024.

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah atas lima pertuduhan memiliki dan memindahkan barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan serta tidak menyelenggara buku stok, tahun lalu.

Orang Kena Saman (OKS), Ahmad Nizamuddin Setapa, 28, membuat pengakuan itu di hadapan Mohamad Kamil selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut tiga pertuduhan, OKS didapati melanggar Peraturan 9(1)

Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak sebanyak 177,530kg iaitu melebihi had 10 tan metrik.

Bagi dua pertuduhan lagi ia didapati memindahkan barang kawalan minyak masak berjumlah 3,400 kg yang terdapat di dalam muatan lori selain daripada alamat yang dinyatakan dalam lesen borong dan tidak menyelenggara buku stok.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di premis tanpa nama di kawasan perindustrian Nilai 7 di sini pada 24 Ogos dan 23 Oktober 2024.

Mahkamah membenarkan jaminan RM35,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorangan penjamin serta perlu melapor diri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Putrajaya setiap bulan.

Tertuduh juga perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan sebutan semula kes bagi serahan dokumen ditetapkan pada 19 Jun depan.

Eatery manager fined RM100,000 for storing cooking oil illegally

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: A 38-year-old manager of a company running a nasi kandar restaurant has been fined RM100,000 by the Sessions Court after he pleaded guilty to a charge of storing subsidised cooking oil at an unlicensed premises.

Judge Mohamad Kamil Nizam also ordered Das Jhonny Chardra, who is a Bangladeshi, to serve six months in jail in the event he was

unable to pay the fine.

The accused was charged with storing the controlled item weighing 1,241kg in jerry cans in an unlicensed premises.

The offence was committed at a hostel for the restaurant employees around 3.15pm on April 26 last year.

Das Jhonny was charged under Section 20(1) of the Control of Supplies Act 1961, which is punishable under Section 22(1) of the same legislation.

Offenders can be fined up to RM1mil, jailed for up to three years or both, upon conviction.

Das Jhonny had claimed trial when charged on Dec 19 last year.

In mitigation, lawyer Ashok Atimulan said his client is married with a child and also has to provide for his parents back home.

He said his client, who is the main provider for the family, was also remorseful.

"This is my client's first offence

and he has also been cooperative with the authorities since the raid.

"I am pleading for a light sentence in the form of a fine and that his passport be returned," he said.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry deputy public prosecutor Nor Alimah Mohd Sanusi pushed for a heavy sentence, pointing out that there was a reason why Parliament had increased the fine for such an

offence from RM100,000 to RM1mil.

She said the court should also take into account that cooking oil is a controlled item.

Nor Alimah said the leakage of controlled goods is a national issue that affects the country's economy and the people.

"The public interest factor requires the court to impose a severe punishment to be able to deter other traders from committing the same offence," she added.



HARI: JJUMAAT

TARIKH: 16/5/2025

M/SURAT: 11

KPDN Sandakan inspects Sibuga Jaya Wet Market for selling 'rotten fish'



Hamat Talip leads the inspection at the Sibuga Jaya Wet Market.

SANDAKAN: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) on Wednesday conducted an inspection at the Sibuga Jaya Wet Market in Mile 8 Jalan Labuk following public complaints that went viral regarding the sale of rotten fish at the market.

The inspection, carried out by a team of KPDN enforcement officers led by deputy enforcement chief Hamat Talip, involved checks under several enforced statutes, including: Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 — ensuring traders display price tags on goods sold to consumers, Consumer Protection Act 1999 — assessing potential fraud related to the quality of goods and Weights and Measures Act 1972 — verifying the accuracy and proper condition of weighing instruments.

The inspection revealed that traders had displayed price tags for consumers, while the weigh-

ing instruments used were within their valid calibration period and in good condition. Traders were advised and issued verbal warnings to ensure the freshness of goods sold and compliance with relevant laws. KPDN Sandakan will continue to conduct periodic inspections and monitoring.

KPDN Sandakan enforcement chief Azdy Zukry John disclosed this in a statement on Wednesday evening.

Meanwhile, a tree fell on a vehicle parked outside a hotel in Sandakan town on Wednesday evening. No injuries were reported as the car owner, aged 28, was in the hotel lobby at the time of the incident.

Civil Defence Force (APM) personnel were called to the location at 5.20 pm to remove the fallen tree which was obstructing traffic. There were no casualties reported. — James Leong

'Ops GASAK aims to curb leakages, not withdraw LPG subsidy'

CYBERJAYA: Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali clarified that Ops GASAK is not intended to withdraw the liquefied petroleum gas (LPG) subsidy, but aims to curb leakages and optimise the use of existing allocations.

He said the operation, which was launched earlier this month, is unrelated to any subsidy removal, but rather involves proactive enforcement of existing laws by the ministry's enforcement division.

"We are aware that certain parties are concerned and have urged us to reconsider our approach. However, I want to stress that this is not a move to withdraw the subsidy; the subsidy remains."

"What we are doing through Ops GASAK is ensuring that leakages are plugged," he told reporters after officiating the Retail Market Access Seminar and Retail Sector Entrepreneur Appreciation ceremony, here on Thursday.

Ops GASAK was launched on May 1 under the 'Kita Gempur' initiative framework, aimed at ensuring that subsidised LPG is not misused by ineligible industries or smuggled abroad.

Commenting on calls by laundry operators to postpone the enforcement of Ops GASAK within the industry, Datuk Armizan Mohd Ali urged them to reassess their business models and make the necessary transitions without delay.

"This is because certain business sectors have already ensured compliance by using non-subsidised LPG."

"Do we want double standards? Should those using unsubsidised LPG be forced to compete with domestic consumers who are purchasing subsidised LPG?" he said.— Bernama

KPDN begins fuel delivery to Pulau Redang, easing two-week shortage

KUALA

TERENGGANU:

The petrol and diesel supply disruption on Pulau Redang, which has lasted for two weeks, is expected to be resolved following the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living's (KPDN) delivery of fuel to the island yesterday.

Terengganu KPDN director Mohd Mufsi Lat said a new transporter company, appointed through a re-tendering process, has been contracted and will commence fuel deliveries today in line with the contract's effective date.

"The distribution will be carried out gradually and closely monitored to ensure the main needs of the residents are met promptly," he said in a statement.

Earlier this week, Terengganu KPDN met community representatives from the island to explain the situation and obtain feedback.

Mohd Mufsi assured that the ministry will continue to monitor developments to prevent any long-term disruptions of fuel supply to Redang and other islands in the state.— Bernama

KPDN tumpas sindiket ubah suai tangki kapal cuba seleweng diesel

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menggagalkan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi dengan mengubah suai tangki kapal bagimemuatkan lebih banyak bahan api itu dalam serbuan di sebuah premis di Pantai Remis, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalluddin Ismail berkata, hasil serbuan pada 10.30 pagi itu, pihaknya merampas 50,900 liter cecair disyaki diesel dan peralatan lain dianggarkan bernilai RM355,040.

“Berdasarkan pemeriksaan dan maklumat risikan, modus operandi sindiket ini didapati adalah mengubah suai tangki kapal sebenar dengan had 3,000 liter kepada tangki tambahan berkapasiti 7,000 liter.

“Minyak diesel disyaki dibeli menggunakan kuota kapal lain pada harga subsidi dan kemudian dijual kepada pihak industri di sekitar Pantai Remis,” katanya dalam

kenyataan semalam.

Beliau berkata ketika serbuan, didapati sebuah kapal sedang melakukan aktiviti pemindahan minyak diesel dari tangki kapal ke sebuah tangkiskid menggunakan hos dan pam penyedut.

“Pemeriksaan turut menemukan dokumen pembelian dan penjualan serta kad kuota kapal lain yang disyaki digunakan untuk penyelewengan itu.

“Premis terbabit turut mempunyai permit menyimpan barang kawalan berjadual diesel tidak bersubsidi dengan had kuantiti simpanan 58,000 liter untuk kegunaan kapal nelayan kategori C2,” katanya.

Susulan itu, katanya seorang lelaki tempatan berumur 32 tahun yang mengaku pemilik premis telah ditahan manakala sebuah kapal pukat hanyut dan peralatan penyedut minyak disita untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata kes disiasat dibawah Akta Kawalan Bekaian 1961. — Bernama

பினாங்கில் நியாய விலைக் கடைகளுக்காகப் போட்டி

ஆர்.எஸ்.செலேரா உணவகம் வாகை சூழ்யது



செ.குணாளன்

ஜூர்ஜ் டவுன், மே 16-
பினாங்கு மாநிலத்தில் நியாய விலை உணவு வகைகளை விற்பனை செய்து பொது மக்களின் நிதிச் சுமையை குறைப்பதற்கு உதவிய உணவுக் கடைகளுக்கிடையில் ஒரு போட்டி நடத்தப்பட்டது. இந்தப் போட்டி ஓர் ஆண்டாக நடைபெற்றது.

அவ்வகையில் நிபந்தனைகள் அனைத்தையும் பின்பற்றி நேர்மையுடன் செயல்பட்ட ஆர்.எஸ்.செலேரா என்னும் உணவுக் கடை மாநிலத்தின் பெருமைமிகு விருதை வாகை சூடியது.

மாநில உள்நாட்டு வாணிபம், தொழில்முனைவோர் மேம்பாடு, பயணிடாளர் நலத்துறை ஆட்சிக் குழு உறுப்பினர் டத்தோ ஹாஜி ரஷிட் ஜெனால் தலைமையிலான ஒரு செயற்குழு இந்தப் போட்டியை ஏற்பாடு செய்தது.

இதில் பங்கேற்ற அனைத்துக் கடைகளையும் இக்குழு தொடர்ந்து கண்காணித்து வந்தது. அனைத்து விதிமுறைகளையும் நிபந்தனைகளையும் பின்பற்றி வாடிக்கையாளர்களுக்கு சுமை தராத விலையில் உணவு வகைகளை விற்பனை செய்து வந்த ஆர்.எஸ்.செலேரா உணவுக் கடை

வெற்றியாராக தேர்வு செய்யப்பட்டது. கடையின் உரிமையாளர் ரோக்கியா முகமட் நோருக்கு வெற்றி விருது வழங்கி பாராட்டிய டத்தோ ரஷிட், இக்கடை பின்பற்றிய நடைமுறைகளை மற்ற உணவுக் கடைகளும் ஒரு முன்மாதிரியாகக் கொள்ள வேண்டும் என்று கேட்டுக் கொண்டார்.

குறைந்த விலையில் தரமான உணவு வகைகளை வாடிக்கையாளர்களுக்கு விற்பனை செய்தது மட்டுமன்றி, கடையை மிகத் தூய்மையாக வைத்திருந்ததற்கும் ரோக்கியாவுக்கு பாராட்டு தெரிவிக்கப்பட்டது.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

GP, klinik pakar swasta diwajib perincikan bil pesakit

Putrajaya: Pengamal perubatan am (GP) dan klinik pakar swasta diwajib mengeluarkan bil terperinci kepada pesakit sebagai langkah meningkatkan ketulusan melalui arahan pemaparan harga ubat yang berkuat kuasa 1 Mei lalu.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM), Mohammad Redzuan Mohammad Rizal menerusi siaran langsung di

TikTok kelmarin.

Menerusi perkongsian di saranan @MyHealthKKM bertajuk 'Mitos dan Fakta Pemaparan Harga Ubat', Mohammad Redzuan berkata, pesakit berhak dimaklumkan mengenai caj yang dikenakan kepada mereka secara terperinci.

"Selalunya bil yang diterima pesakit adalah dalam bentuk paket, sebagai contoh RM15 untuk konsultasi dan RM40 hingga RM50 untuk semua ubat, tanpa perincian.

"Jika pesakit menerima lima

jenis ubat, mereka tidak tahu harga setiap ubat terbabit. Sebab itu kami wajibkan bil terperinci, caj konsultasi dan harga setiap ubat perlu disenaraikan dengan jelas," katanya seperti dilaporkan laman web *CodeBlue*.

Mohammad Redzuan berkata, perincian caj juga perlu merangkumi ubat yang diberi semasa prosedur termasuk jika melakukannya perkhiridmatan x-ray supaya pesakit lebih faham serta jelas mengenai setiap prosedur yang diterima.

Katanya, orang ramai diingat-

kan supaya membandingkan bil terperinci yang diterima dengan harga ubat yang dipaparkan di klinik swasta dan jika terdapat perbezaan, aduan boleh dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Jika harga tidak sepadan, anda boleh buat aduan kepada KPDN. Mungkin ada sebab tertentu untuk perbezaan itu, tetapi KPDN akan menyiasat.

"Gunakan portal aduan KPDN. Itu kaedah paling pantas, mereka biasanya bertindak da-

lam masa 24 jam," katanya.

Mohammad Redzuan berkata, aduan terhadap fasiliti kesihatan swasta yang gagal memaparkan harga ubat juga boleh disalurkan kepada KKM melalui platform aduan awam, SISPA.

Kerajaan sebelum ini menggunakan pakai Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 (Akta 723) terhadap bidang perubatan, khususnya berkaitan peraturan mewajibkan klinik swasta serta farmasi memaparkan harga ubat-ubatan, berkuat kuasa 1 Mei lalu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-May	Pelaksanaan Ops Gasak bukan untuk tarik subsidi LPG	https://www.sinarharian.com.my/article/728585/berita/nasional/pelaksanaan-ops-gasak-bukan-untuk-tarik-subsidi-lpg	SINAR HARIAN
16-May	Ops Gasak bukan tarik subsidi LPG – Menteri	https://malaysiaga-zette.com/2025/05/15/ops-gasak-bukan-tarik-subsidi-lpg	MALAYSIA GAZETTE
16-May	KPDN Perak tumpaskan sindiket seleweng diesel subsidi nelayan	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perak-tumpaskan-sindiket-seleweng-diesel-subsidi-nelayan/	BULETIN TV3
16-May	KPDN tumpas sindiket ubah suai tangki kapal cuba seleweng diesel	https://mgperak.com/kpdn-tumpas-sindiket-ubah-suai-tangki-kapal-cuba-seleweng-diesel/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
16-May	KPDN tumpas sindiket ubah suai tangki kapal seleweng diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tumpas-sindiket-ubah-suai-tangki-kapal-seleweng-diesel-520822	ASTRO AWANI
16-May	Jual minyak subsidi nelayan kepada industri, KPDN sita lebih 50,000 liter diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/728546/berita/semasa/jual-minyak-subsidi-nelayan-kepada-industri-kpdn-sita-lebih-50000-liter-diesel	SINAR HARIAN
16-May	KPDN Tumpas Sindiket Ubah Suai Tangki Kapal Cuba Seleweng Diesel	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2423078	BERNAMA
16-May	KPDN uncovers tactic of modifying vessel tank to misappropriate subsidised diesel	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-uncovers-tactic-of-modifying-vessel-tank-to-misappropriate-subsidised-diesel-ON14080842	THE SUN
16-May	Sindiket penyelewengan hampir 51,000 liter diesel tumpas	https://www.kosmo.com.my/2025/05/15/sindiket-penyelewengan-hampir-51000-liter-diesel-tumpas/	KOSMO
16-May	Bekalan petrol, diesel di Pulau Redang disalur semula - KPDN Terengganu	https://www.sinarharian.com.my/article/728592/edisi/terengganu/bekalan-petrol-diesel-di-pulau-redang-disalur-semula--kpdn-terengganu	SINAR HARIAN

16-May	KPDN MELAKA GEMPUR 157 KES, NILAI RAMPA-SAN LEBIH RM143,000	https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-gempur-157-kes-nilai-rampasan-lebih-	MELAKA HARI INI
16-May	Dua ditahan simpan diesel, LPG bernilai lebih RM48,000	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/dua-ditahan-simpan-diesel-lpq-	UTUSAN MALAYSIA
16-May	17 LPG, lebih 13,000 minyak diesel dirampas	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/17-lpg,-lebih-13,000-minyak-diesel-dirampas	BERITA RTM
16-May	Polis serah 103 tong gas disyaki diseleweng bernilai RM100,000	https://malaysiagazette.com/2025/05/15/polis-serah-103-tong-gas-disyaki-diseleweng-bernilai-	MALAYSIA GAZETTE
16-May	Disyaki seleweng LPG, KPDN tahan lelaki warga tempatan, 4 warga asing	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1396118/disyaki-seleweng-lpg-kpdn-tahan-lelaki-warga-	BERITA HARIAN
16-May	Lima dicekup seleweng 103 LPG subsidi	https://www.kosmo.com.my/2025/05/15/lima-dicekup-	KOSMO
16-May	Kegiatan seleweng, jual LPG subsidi tumpas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1218738/kegiatan-seleweng-jual-lpg-	HARIAN METRO
16-May	Pengurus kedai mamak didenda RM100,000 kerana simpan minyak masak di premis haram	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1218867/pengurus-kedai-mamak-didenda-rm100000-kerana-simpan-minyak-masak-di-	HARIAN METRO
16-May	Pengurus restoran nasi kan-dar didenda RM100,000	https://www.sinarharian.com.my/article/728590/berita/semasa/pengurus-restoran-nasi-kandar-didenda-	SINAR HARIAN

16-May	Ahli perniagaan didakwa miliki minyak masak lebih had dibenarkan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/ahli-perniagaan-didakwa-miliki-minyak-masak-lebih-had-dibenarkan/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Pemilik syarikat didakwa minyak masak lebih had	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1218877/pemilik-syarikat-didakwa-minyak-masak-lebih-had	HARIAN METRO
16-May	Ahli perniagaan tak mengaku miliki minyak masak lebih had	https://www.sinarharian.com.my/article/728596/edisi/melaka-ns/ahli-perniagaan-tak-mengaku-miliki-minyak-masak-lebih-had	SINAR HARIAN
16-May	Sudah dua minggu bekalan diesel, petrol di Pulau Redang terputus	https://www.utusan.com.my/berita/2025/05/sudah-dua-minggu-bekalan-diesel-petrol-di-pulau-redang-terputus/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	KPDN Sandakan siasat aduan ikan busuk di Pasar Basah Sibuga	https://sabahmedia.com/2025/05/15/kpdn-sandakan-siasat-aduan-ikan-busuk-di-pasar-basah-sibuga/	SABAH MEDIA
16-May	Nahas FRU: Tindakan tegas jika ada unsur kecuaian	https://www.sinarharian.com.my/article/728509/berita/nasional/nahas-fru-tindakan-tegas-jika-ada-unsur-kecuaian	SINAR HARIAN
16-May	GP, klinik pakar swasta wajib beri bil terperinci kepada pesakit - KKM	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1396254/gp-klinik-pakar-swasta-wajib-beri-bil-terperinci-kepada-pesakit-kkm	BERITA HARIAN
16-May	Cabaran basmi vape, banyak dijual dalam talian	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1218864/cabaran-basmi-vape-banyak-dijual-dalam-talian	HARIAN METRO
16-May	Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 dilancar pada suku ketiga, keempat tahun ini	https://malaysiagazette.com/2025/05/15/pelan-induk-perdagangan-pengedaran-2025-2035-dilancar-pada-suku-ketiga-keempat-tahun-ini/	MALAYSIA GAZETTE
16-May	Distribution Trade Master Plan in the works, launch expected by Q4 - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/distribution-trade-master-plan-in-the-works-launch-expected-by-q4-armizan-PN14083682	THE SUN
16-May	KPDN gubal Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/05/kpdn-gubal-pelan-induk-perdagangan-pengedaran-2025-2035/	UTUSAN MALAYSIA

16-May	Permeka angkat bendera putih, kos bahan mentah tinggi	https://www.sinarharian.com.my/article/728629/edisi/kelantan/permeka-angkat-bendera-putih-kos-bahan-tinggi	SINAR HARIAN
16-May	KPDN NS Rampas Lebih 73,000 Liter Diesel Dalam Dua Operasi	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2423373	BERNAMA
16-May	Ops Gasak bukan pendekatan tarik subsidi	https://www.tvsarawak.my/2025/05/15/ops-gasak-bukan-pendekatan-tarik-subsidi/	TV SARAWAK
16-May	Ops Gasak 2025: Kerajaan nafi tarik subsidi LPG, fokus bendung salah guna	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1218956/ops-gasak-2025-kerajaan-nafi-tarik-subsidi-lpg-fokus-bendung-salah-guna	HARIAN METRO
16-May	Ops Gasak 2025: Kerajaan nafi tarik subsidi LPG, fokus bendung salah guna	https://themalaytribune.com/ops-gasak-2025-kerajaan-nafi-tarik-subsidi-lpg-fokus-bendung-salah-guna	THE MALAY TRIBUNE
16-May	Ops Gasak aims to curb leakages, not withdraw LPG subsidy - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/ops-gasak-aims-to-curb-leakages-not-withdraw-lpg-subsidy-armizan-FN14084144	THE SUN
16-May	Ops GASAK bukan bertujuan tarik subsidi LPG - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-gasak-bukan-bertujuan-tarik-subsidi-lpg-armizan-520898	ASTRO AWANI
16-May	Ops Gasak bukan bertujuan tarik subsidi LPG - Armizan	https://www.sinarharian.com.my/article/728644/berita/nasional/ops-gasak-bukan-bertujuan-tarik-subsidi-lpg--armizan	SINAR HARIAN
16-May	Ops Gasak: Fokus bendung ketirisan, bukan tarik subsidi	https://www.buletintv3.my/nasional/ops-gasak-fokus-bendung-ketirisan-bukan-tarik-subsidi/	BULETIN TV3
16-May	Op Gasak bukan bertujuan tarik subsidi gas LPG – Armizan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/op-gasak-bukan-bertujuan-tarik-	UTUSAN MALAYSIA

16-May	Lelaki Bangladesh didenda RM100,000 simpan minyak masak	https://www.tvsarawak.my/2025/05/15/lelaki-bangladesh-didenda-rm100000-simpan-minyak-masak/	TV SARAWAK
16-May	Pengurus restoran Nasi Kandar didenda RM100,000 simpan barang kawalan 1,241kg minyak masak	https://thesun.my/cerita/berita/pengurus-restoran-nasi-kandar-didenda-rm100000-simpan-barang-kawalan-1241kg-minyak-masak-CN14083331	THE SUN
16-May	Simpan minyak masak di premis tidak dilesenkan, pengurus syarikat didenda RM100,000	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/simpan-minyak-masak-di-premis-tidak-dilesenkan-pengurus-syarikat-didenda-rm100000/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Pengurus Restoran Nasi Kandar Didenda RM100,000 Simpan Barang Kawalan 1,241kg Minyak Masak	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2423251	BERNAMA
16-May	Pengurus kedai nasi kandar didenda RM100,000 simpan minyak masak di premis haram	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1396322/pengurus-kedai-nasi-kandar-didenda-rm100000-simpan-minyak-masak-di-premis	BERITA HARIAN
16-May	Pengurus restoran didenda RM100k simpan minyak masak lebih 1 tan	https://www.malaysiakini.com/news/743335	MALAYSIA KINI
16-May	Dua ditahan simpan diesel dan tong LPG bernilai RM48,000	https://www.kosmo.com.my/2025/05/15/dua-ditahan-simpan-diesel-dan-tong-lpg-bernilai-	KOSMO
16-May	Pemilik syarikat tak mengaku salah miliki, pindah minyak masak lebih had	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-tak-mengaku-salah-miliki-pindah-minyak-masak-lebih-had/	BULETIN TV3
16-May	Cooking oil offences: Businessman pleads not guilty	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/05/1216542/cooking-oil-offences-businessman-pleads-not-guilty	NEW STRAITS TIMES